

Teknologi insinerator lupus sisa plastik

KAEDAH pembakaran menerusi insinerator merupakan cara paling berkesan untuk melupuskan sisa plastik yang diimport ke Malaysia.

Penyelaras Unit Jaringan dan Industri, Fakulti Pengajian Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia, Dr. Mohd. Yusoff

Ishak berkata, pembakaran sisa plastik pada suhu tinggi dapat melupuskan bahan tersebut secara total dan meminimumkan kesan terhadap alam sekitar dan pengguna. Bagaimanapun, negara ketika ini tidak mampu menggunakan kaedah tersebut kerana kosnya yang tinggi.

“Kita pernah memiliki fasiliti sedemikian di Pulau Tioman, Pahang namun kos untuk menyelenggarakan amat tinggi. Akhirnya sisa-sisa plastik yang dihantar ke sana semakin banyak dan dibiarkan menimbun serta tidak terurus.

“Berbeza pula situasinya di negara-negara lain yang memiliki insinerator berteknologi tinggi seperti Jepun. Mereka mampu membina fasiliti itu di kawasan padat penduduk, malah tidak membahayakan orang



MOHD. YUSOFF

ramai,” katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan *Kosmo!* berhubung kewujudan 35 kilang pelupusan sisa plastik di daerah Kuala Langat dengan hanya tiga daripadanya beroperasi secara sah.

Menurut Mohd. Yusoff, antara pilihan lain yang boleh diamalkan pihak berkuasa adalah dengan menghantar sisa plastik itu ke tapak pelupusan sanitari.

“Menimbus sisa plastik adalah kaedah yang boleh diamalkan kerana kita memiliki tapak tersebut.

“Paling penting, apa yang boleh dilakukan kerajaan ketika ini ialah dengan memantau tahap pelepasan bahan cemar daripada kilang-kilang pelupusan sisa plastik sedia ada dan memastikan mereka mematuhi tahap piawaian kesihatan global,” katanya.

Opsyen lain, kata beliau, ialah dengan mengurangkan import sisa plastik ke dalam negara dan menggalakkan budaya kitar semula dalam kalangan orang awam.